



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) 1980

DR.16/1980

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan 1980 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) 1980. Tajuk ringkas.
2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada lima ratus sembilan puluh lapan juta satu ratus tiga puluh lapan ribu empat ratus sembilan puluh lima ringgit (\$598,138,495) daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1979, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1979 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1979 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1979 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1979) 1980. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1979.

Akta A441.

Akta A474.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1980.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada satu ratus dua puluh enam juta lapan ratus empat puluh tujuh ribu empat ratus sembilan puluh enam ringgit (\$126,847,496) daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1980, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1980 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1980.

Akta A470.

Peruntukan.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada Maksud
(1)	(2)	(3)
B. 2 ...	Majlis Raja-Raja ...	\$ 20,000
B. 4 ...	Suruhanjaya Pilihanraya ...	1,423,500
B. 7 ...	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ...	98,000
B. 8 ...	Jabatan Perdana Menteri ...	4,838,319
B. 9 ...	Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia ...	4,749,690
B. 11 ...	Pejabat Setiausaha Persekutuan, Sabah ...	77,000
B. 14 ...	Perangkaan ...	5,756,476
B. 15 ...	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ...	2,100,962
B. 18 ...	Jabatan Arkib Negara ...	86,550
B. 20 ...	Jabatan Percetakan ...	123,200
B. 26 ...	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ...	120,000
B. 27 ...	Muzium ...	32,850
B. 31 ...	Perbendaharaan ...	540,941
B. 32 ...	Perkhidmatan Am Perbendaharaan ...	20,000,000
B. 33 ...	Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun ...	550,000,000

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada Maksud
(1)	(2)	(3)
B. 38 ...	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	\$ 1,500,000
B. 40 ...	Jabatan Imigresen	100,000
B. 43 ...	Penjara	1,227,000
B. 45 ...	Kementerian Penerangan	200,000
B. 49 ...	Pemegang Amanah Raya, Pen- tadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh	26,000
B. 51 ...	Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat	306,000
B. 54 ...	Kementerian Pengangkutan	876,758
B. 60 ...	Pengangkutan Jalan	65,380
B. 61 ...	Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos	69,869
B. 64 ...	Kementerian Kebajikan Am	3,800,000
Jumlah		\$598,138,495

JADUAL KEDUA

(Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada Maksud
(1)	(2)	(3)
B. 4 ...	Suruhanjaya Pilihanraya	\$ 1,547,922
B. 8 ...	Jabatan Perdana Menteri	29,592,000
B. 15 ...	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	58,550
B. 18 ...	Jabatan Arkib Negara	100,500
B. 29 ...	Kementerian Pelajaran	767,830
B. 31 ...	Perbendaharaan	1,432,069
B. 32 ...	Perkhidmatan Am Perbenda- haraan	31,291,141
B. 36 ...	Kementerian Perusahaan Awam	52,603,600
B. 38 ...	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	140,000
B. 41 ...	Pendaftaran Pertubuhan	49,291
B. 47 ...	Jabatan Penerangan	1,630,000

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada Maksud
(1)	(2)	(3)
B. 51 ...	Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ...	\$ 1,847,005
B. 54 ...	Kementerian Pengangkutan	74,288
B. 55 ...	Jabatan Laut	700,000
B. 66 ...	Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah	5,013,300
	Jumlah	<u>\$126,847,496</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1979 dan 1980 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1979 dan 1980 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1979 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1979) 1980 dan untuk mengadakan peruntukan bagi menggantikan pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulanwang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan.

[PN. (U²) 1047.]